

Pelan pengurusan baik jamin kelestarian tanah bencah negara

- Tanah bencah sangat penting bagi kawasan produktif secara biologi dan mempunyai sistem yang kepelbagaian biologi untuk membantu meningkatkan kualiti air, mengawal hakisan tebing tasik serta mengawal perubahan iklim
- Di sebalik kepentingannya, ketidaktahuan dan salah anggapan terhadap tanah bencah menyebabkan timbul pelbagai ancaman terhadap tanah bencah semula jadi

Oleh Prof Madya Dr Haliza Abdul Rahman
bhrencana@bh.com.my

Keujudan lokasi tanah bencah atau tanah lembap sangat penting kepada kehidupan habitat serta manusia sejagat. Justeru, pemuliharaan tanah bencah menjadi inti pati penting dalam penjagaan alam sekitar global.

Malaysia tidak terkecuali dalam menunjukkan keprihatinan dalam agenda pemuliharaan dan pemuliharaan tanah bencah dengan menjadi ahli kepada Konvensyen Ramsar yang menyediakan rangka kerjasama antarabangsa dalam pemuliharaan habitat tanah bencah.

Menyadari kepentingan ekosistem ini, Malaysia menunjukkan komitmen dalam isu berkaitan perlindungan tanah bencah dengan mewariskan tujuh kawasan di seluruh negara sebagai tapak Ramsar.

Ini bermula dengan pewartaan Tasik Bera pada 10 Mac 1995 sebagai tapak Ramsar pertama negara, diikuti Kukup, Tanjung Piai dan Sungai Pulai di Johor. Seterusnya, pewartaan Taman Negara Kuching Wetlands, Sarawak serta Hilir Kinabatangan-Segama Wetlands dan Kota Kinabalu Wetlands di Sabah.

Ekosistem tanah bencah terbahagi kepada dua, iaitu semula jadi dan buatan. Tanah bencah semula jadi di negara ini merangkumi tanah gambut, paya bakau, sungai, tasik, dataran banjir, tasik semula jadi, rawang dan pesisiran pantai yang menjadi habitat penting kepada kepelbagaian spesies flora dan fauna terutama burung air bermigrasi.

Mengambil contoh, Tasik Timah Tasoh di Empangan Timah Tasoh, Beseri, Perlis, ia menjadi habitat burung Upeh atau Asian Openbill Stork yang sering mencari makanan seperti ikan yang banyak terdapat dalam tasik berkenaan. Terdapat juga tanah bencah buatan seperti sawah padi, parit, kolam lombong, kolam dan takungan air biasanya dibina untuk mengawal pencemaran, menampung air banjir dan larian, sebagai penyumbang nilai estetik habitat flora dan fauna dan menjalankan fungsi rantai makanan.

Hakikatnya, tanah bencah sangat penting bagi kawasan produktif secara biologi dan mempunyai sistem yang kepelbagaian biologi untuk membantu meningkatkan kualiti air, mengawal hakisan tebing tasik, mengawal aliran air, mengawal hakisan, penyimpanan karbon serta mengawal perubahan iklim.

Habitat haiwan terancam

Ekosistem berharga ini turut menjadi habitat haiwan terancam dan dilindungi. Sesuatu sangat relevan dengan negara beriklim khatulistiwa menerima curahan hujan lebat adalah fungsi tanah lembap bertindak sebagai span semulajadi memangkap dan melepaskan air permukaan, hujan dan bawah tanah serta banjir secara perlahan selain membantu mengurangkan hakisan secara semula jadi.

Ia juga menyediakan tumbuhan dan hidupan akuatik yang menjadi bahan makanan dan menarik banyak spesies haiwan seterusnya menjamin kelestarian kepelbagaian biologi dalam kawasan berkaitan.

Contohnya, ekosistem ini menjadi habitat menyediakan sumber makanan kepada ikan, tempat pembiakan, tumbesaran atau laluan hijrah dengan spesies ikan bergantung kepadanya. Tidak hairanlah jika Tasik Chini Rizab Biosfera (TCRB) sahaja direkodkan mengandungi kekayaan spesies ikan antara 21 hingga 28 spesies. Malah, terdapat haiwan tertentu menggunakan tanah lembap sebagai habitat sepenuhnya atau sebahagian kitaran hidup atau tempat singgah mereka, misalnya udang.

Direkodkan 300 hingga 400 juta penduduk dunia tinggal berhampiran tanah bencah yang kehidupan dan budaya berkait rapat dengan alam semula jadi. Dari segi kegiatan ekonomi komuniti tanah bencah, kegiatan ekonomi mereka bersumberkan alam semula jadi seperti perikanan, akuakultur, perhutanan, rekreasi dan pelancongan, pembuatan dan industri berskala kecil dan pertanian.

Industri yang wujud juga selalunya berkaitan aktiviti pengeluaran berasaskan sumber semula jadi seperti ikan, hasil hutan seperti kayu api, kayu arang, pembuatan bot, tikar, rokok, perangkap ikan dan hasil kraftangan.

Di sebalik kepentingannya, pertembungan

sering kali terjadi antara fakta sains dan undang-undang atau peraturan daripada segi pemahaman pengurusan sistem tanah bencah dan anggapan tanah bencah hanya berfungsi sebagai longkang biasa sedangkan tanah bencah menjadi komponen Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) yang sangat sensitif kepada sebarang bentuk perubahan.

Tekanan kepada keperluan pembangunan menyebabkan penerokaan terhadap ekosistem ini akhirnya menimbulkan masalah alam sekitar dan gangguan ekosistem hingga memberi kesan kepada sosioekonomi komuniti tanah bencah. Justeru, cabaran utama pihak berkuasa ialah bagaimana untuk menyeimbangkan pembangunan fizikal dan pada masa sama, mengekalkan ekosistem tanah bencah.

Di sebalik kepentingannya, ketidaktahuan dan salah anggapan terhadap tanah bencah menyebabkan timbul pelbagai ancaman terhadap tanah bencah semula jadi atau buatan seperti penebusan atau penukaran tanah, pencemaran, eksplotasi berlebihan, ancaman spesies dan amalan akuakultur tidak mesra alam.

Ancaman terbesar dihadapi tanah bencah ialah perubahan guna tanah untuk tujuan pembangunan terutama pertanian, perbandaran, pembinaan saliran, pembinaan empangan dan kegiatan perikanan menyebabkan dianggarkan separuh tanah bencah dunia sudah pupus sejak 1900.

Justeru, penyelidik dan pihak pentadbir perlu memahami proses dan kepentingan unik kepada tanah bencah dalam mendefinisikan dan mengurus tanah bencah secara menyeluruh, seragam dan adil pada semua pihak tanpa mengira sama ada tanah bencah terbahagi semula jadi atau buatan.

Malah, kecekapan jangka panjang dan kemampuan ekosistem ini bergantung kepada kefahaman yang bersepadu tentang proses biologi, kimia, dan hidrologi dalamnya. Ia merangkumi aspek pemantauan, penguatkuasaan dan keupayaan sumber manusia yang menjadi antara elemen penting berkaitan pengurusan ekosistem berharga ini.

Pengurusan dan penyelenggaraan tanah bencah memerlukan kakitangan terlatih dan berpengalaman selain disokong oleh usaha pengurusan dan bajet mencukupi dalam usaha menjamin kelestarian tanah bencah negara.



Profesor Madya
Fakulti Perubatan
dan Sains Kesihatan,
Institut Pengajian
Sains Sosial (IPAS),
Universiti Putra
Malaysia (UPM)

